



KEMENTERIAN WILAYAH PERSEKUTUAN

TEKS UCAPAN

**YB TUAN HAJI KHALID BIN ABD. SAMAD
MENTERI WILAYAH PERSEKUTUAN**

SEMPENA

**MAJLIS PENYERAHAN WATIKAH PELANTIKAN MAJLIS PERWAKILAN
PENDUDUK WILAYAH PERSEKUTUAN (MPPWP) BAGI PARLIMEN DI
KAWASAN KUALA LUMPUR DAN PUTRAJAYA**

**DEWAN PERDANA FELDA,
JALAN SEMARAK, WP KUALA LUMPUR**

**24 JANUARI 2019 (KHAMIS)
JAM 8.00 MALAM**

Bismillahirrahmanirrahim

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam sejahtera

(Salutasi)

PENDAHULUAN

1. Alhamdulillah, saya bersyukur ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala kerana dengan limpah izinNya dapat kita berkumpul di Dewan Perdana Felda pada malam yang penuh bermakna ini bersempena dengan **Majlis Penyerahan Watikah Pelantikan Majlis Perwakilan Penduduk Wilayah Persekutuan (MPPWP) bagi Parlimen di kawasan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Putrajaya.**

2. Terlebih dahulu saya ingin merakamkan ucapan jutaan terima kasih kepada sahabat-sahabat saya semua Ahli-ahli Parlimen Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan ahli-ahli MPPWP Kuala Lumpur dan Putrajaya kerana dapat hadir bagi menjayakan majlis kita pada malam ini. Sesungguhnya komitmen daripada semua pihak dalam menjayakan majlis seperti ini serta terus menerus menyokong usaha-usaha yang dilaksanakan melalui program-program oleh Kementerian dan agensi-agensi di bawahnya amatlah dihargai.

Hadirin yang dihormati sekalian,

LATAR BELAKANG MPPWP

3. Pelaksanaan MPPWP bermula dengan penubuhan Majlis Perwakilan Kesejahteraan Bandar (MPKB) pada 22 Disember 2010, yang mana pada awal penubuhannya, MPKB hanya melibatkan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Putrajaya sahaja dengan objektif melaksana, menyelaras dan memantau pembangunan komuniti dan kesejahteraan bandar di Wilayah Persekutuan sehingga ke peringkat akar umbi.

4. Selaras dengan penyusunan semula fungsi Kementerian selepas Pilihan Raya Umum Ke-13, MPKB telah dijenamakan semula kepada Majlis Perwakilan Penduduk Wilayah Persekutuan (MPPWP), bagi meningkatkan pengupayaan dan penyertaan masyarakat bandar dalam pembangunan Wilayah Persekutuan melalui struktur

pentadbiran yang terancang dan sistematik. Seterusnya Mesyuarat Jemaah Menteri telah meluluskan penubuhan MPPWP Labuan pada 10 Februari 2016 untuk memastikan penyeragaman pelaksanaan MPPWP di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Labuan dan Putrajaya.

5. Seperti hadirin semua sedia maklum, MPPWP bukanlah sebahagian daripada Jawatankuasa Perwakilan Penduduk (JPP) yang dikawal selia oleh Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) sebaliknya MPPWP telah ditubuhkan pada tahun 2011, manakala JPP pula ditubuhkan lebih lewat iaitu pada tahun 2014. Ia berasaskan kepada struktur kerja MPPWP setelah melihat keberkesanan pelaksanaannya di Kuala Lumpur dan Putrajaya.

6. MPPWP dianggotai oleh kelompok masyarakat setempat yang diberi kepercayaan untuk memimpin dan mentadbir keseluruhan komuniti sedia ada. MPPWP ini mempunyai struktur pentadbiran yang sistematik dan terancang supaya:

- (a) semua **aktiviti modal insan** dan kemasyarakatan dapat dilaksanakan sehingga ke peringkat akar umbi,
- (b) struktur **komuniti yang mampu mentadbir masyarakat setempat** (*self-governance community*) ditubuhkan;
- (c) **isu-isu perbandaran** ditangani dengan segera; dan
- (d) menggalakkan **penyertaan awam** (*participatory-people centric*) dan penduduk setempat dalam pembangunan dan pengurusan Wilayah Persekutuan.

7. MPPWP berfungsi sebagai **penghubung di antara Kerajaan dan rakyat dalam merancang dan melaksanakan pelbagai program kemasyarakatan dan modal insan**. MPPWP juga bertujuan membantu Kerajaan di dalam aspek:

- (a) menyelaraskan pelaksanaan dasar, strategi berkaitan pembangunan komuniti;
- (b) merancang dan melaksanakan program dan aktiviti kesejahteraan bandar secara sistematik dan bersepadu selaras dengan dasar-dasar yang ditetapkan oleh Kementerian;

- (c) menyalurkan maklumat, maklum balas, aduan, masalah, permintaan atau keperluan penduduk kepada Kementerian dan Agensi; dan
- (d) mengesyorkan inisiatif bagi meningkatkan kemajuan dan pembangunan modal insan di Wilayah Persekutuan.

Tuan/puan, Hadirin sekalian,

KRITERIA PEMILIHAN AHLI

8. Untuk makluman hadirin semua, pelantikan ahli MPPWP bagi tahun 2019/2020 melibatkan 13 Zon dan 77 Sub Zon iaitu 70 Subzon di 11 Parlimen dalam kawasan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, 4 Sub zon di Parlimen Putrajaya dan 3 Sub Zon di Labuan. Pelantikan ini melibatkan seramai 1,165 orang ahli secara keseluruhannya di peringkat Zon dan Sub Zon. Di peringkat Zon terdapat 13 Pengerusi, 6 Timbalan Pengerusi, 6 Setiausaha dan 39 ahli. Manakala di peringkat Sub Zon pula terdiri daripada 77 Pengerusi, 77 Timbalan Pengerusi, 77 Setiausaha dan 870 ahli.

9. Pelantikan Ahli MPPWP ini telah mengambil kira pandangan dan pendapat masyarakat setempat dengan mengetengahkan ahli-ahli yang terdiri daripada individu-individu yang mempunyai pengalaman luas dalam kemasyarakatan dan berupaya untuk menggalas tanggungjawab dalam melahirkan masyarakat setempat yang harmoni. Ahli-ahli yang dilantik juga turut dikenali dan mempunyai pengaruh yang baik dalam kalangan masyarakat setempat. Justeru, pelantikan ini akan membolehkan MPPWP diterima oleh segenap lapisan masyarakat tanpa mengira bangsa, agama dan latar belakang.

Tuan/puan, Hadirin sekalian,

AGENDA PENUBUHAN MPPWP

10. Sebagaimana kita sedia maklum, MPPWP merupakan antara agenda penting Kerajaan untuk menyatupadukan penduduk supaya sentiasa harmoni dan saling bekerjasama menerusi aktiviti-aktiviti kemasyarakatan yang dijalankan tanpa mengira ras atau kaum dan etnik masing-masing. Sehubungan itu, aktiviti-aktiviti kemasyarakatan yang dirancang dan dijalankan perlulah mendapat sokongan padu daripada segenap lapisan masyarakat. Seperti kita semua sedia maklum, dengan penglibatan masyarakat setempat, aktiviti-aktiviti kemasyarakatan ini akan menjadi lebih bermakna. Justeru itu, suka untuk saya ingatkan agar MPPWP terus

menggembeleng usaha dan tenaga dalam memastikan setiap perancangan aktiviti kemasyarakatan adalah berkesan dan memenuhi kehendak masyarakat setempat.

11. Sebarang keputusan dan tindakan yang diambil oleh MPPWP perlulah dilakukan secara bermusyawarah supaya masyarakat setempat mendapat kebaikan daripadanya. Untuk itu, ahli-ahli MPPWP diseru supaya lebih bersikap positif, terbuka dan neutral dalam memberikan perkhidmatan kepada masyarakat setempat yang tuan/puan diwakili. Ahli-ahli MPPWP juga hendaklah menjadi pengantara di antara rakyat dengan Kerajaan kerana tuan/puan adalah wakil yang paling dekat dengan rakyat dan merupakan *opinion leaders* yang dihormati dalam kalangan komuniti tuan-tuan dan puan-puan. Ketepikan kedudukan dan gelaran dalam mentadbir dan mengurus MPPWP di kawasan Zon dan Sub Zon masing-masing. Berikan keutamaan untuk memenuhi kepentingan menangani isu dan kemaslahatan yang dihadapi warga Wilayah Persekutuan bagi memastikan kebajikan rakyat terbelas.

PROGRAM DAN AKTIVITI MPPWP

12. Pelantikan ahli MPPWP ini diharap akan dapat memastikan fungsi-fungsi utama MPPWP digerakkan hingga ke peringkat akar umbi, antaranya menganjurkan program kemasyarakatan ke arah perpaduan, kelestarian persekitaran, kebersihan, kesihatan, keselamatan dan kesejahteraan penduduk setempat di Wilayah Persekutuan. Setiap PBT akan menganjurkan program Retreat Sasaran Kerja Tahunan (SKT) MPPWP yang akan melibatkan semua ahli Zon dan Sub Zon. Setakat ini, MPPWP Putrajaya telah mengesahkan akan mengadakan *Retreat* SKT pada 6 hingga 8 Februari 2019 di Hotel Grand Lexis, Port Dickson. Manakala tarikh pelaksanaan *retreat* SKT bagi dua lagi wilayah akan dimaklumkan dalam masa terdekat dan saya berharap agar dapat dilaksanakan selewat-lewatnya pada awal bulan Mac 2019. Tujuan *retreat* SKT ini diadakan adalah untuk memberikan skop dan gerak kerja MPPWP agar dapat bergerak dengan harmoni dan efisien. Perkara-perkara seperti pentadbiran, kewangan dan urus tadbir yang baik juga dapat dibincangkan dengan terperinci. Program dan aktiviti yang perlu dilaksanakan oleh MPPWP adalah berpandukan lima (5) bidang teras utama iaitu:

- (a) Keselamatan, Perpaduan dan Kesejahteraan;
- (b) Ekonomi dan Keusahawanan;

- (c) Modal Insan, Pendidikan dan ICT;
- (d) Sukan dan Rekreasi; dan
- (e) Kesihatan, Kebersihan dan Alam Sekitar.

GERAN PERUNTUKAN

13. Secara umumnya, Kementerian akan menyalurkan Geran Aktiviti berjumlah RM2,190,000.00 dan Geran Pengurusan sebanyak RM1,030,00.00 kepada ketiga-tiga wilayah pada tahun 2019. Peruntukan ini meliputi Geran Aktiviti berjumlah RM50,000.00 setahun kepada setiap Zon manakala Sub Zon akan diperuntukkan Geran Aktiviti berjumlah RM20,000.00 setahun. Setiap Zon akan diperuntukkan Geran Pengurusan berjumlah RM20,000.00 setahun manakala Sub Zon pula akan menerima Geran Peruntukan sebanyak RM10,000.00 setahun.

14. Buat pertama kalinya untuk lantikan kali ini, Pengerusi Zon yang dilantik akan dibayar Elaun Tetap sebanyak RM2,500.00 sebulan bagi Zon yang meliputi 4 Sub Zon dan ke bawah, RM3,000.00 bagi 5 atau 6 Sub Zon manakala bagi Zon yang mempunyai 7 Sub Zon ke atas, Pengerusi Zon akan menerima Elaun Tetap sebanyak RM3,500.00 sebulan. Semoga pemberian insentif ini, semua ahli MPPWP yang dilantik dapat melaksanakan tugas yang diamanahkan dengan penuh dedikasi demi kemaslahatan warga Wilayah Persekutuan khususnya.

Hadirin Sekalian,

ASPIRASI WILAYAH 2019 - "WILAYAH PEDULI, HARAPAN DIPENUHI"

15. Kementerian akan sentiasa mendukung usaha Kerajaan dalam memastikan kebajikan warga Wilayah Persekutuan terjaga. Selaras dengan hasrat tersebut, Kementerian telah merangka hala tuju dan aspirasi Wilayah Persekutuan bertemakan "**Wilayah Peduli, Harapan Dipenuhi**". Semua inisiatif yang telah dikenal pasti meliputi semua golongan dan merentasi pelbagai had usia.

VAN WILAYAH

16. Salah satu inisiatif yang telah dikenalpasti ialah "**Van Wilayah**" yang dijangka akan dilancarkan sempena Sambutan Hari Wilayah Persekutuan 2019. Van ini akan

beroperasi sebagai pengangkutan yang dapat meringankan bebanan warga wilayah sekiranya terdapat keperluan untuk menggunakan van tersebut untuk urusan-urusan kebajikan. Saya berharap inisiatif ini dapat sedikit sebanyak membantu setiap zon menjadi lebih aktif dalam melaksanakan kerja-kerja kebajikan. Kementerian amat prihatin terhadap kebajikan warga Wilayah Persekutuan yang berhadapan dengan masalah pengangkutan bagi tujuan kecemasan dan keperluan mendesak. Justeru, program Van Wilayah diperkenalkan untuk manfaat warga Wilayah dalam urusan hospital, kematian, menghantar anak-anak ke IPTA dan situasi lain yang mendesak. Inisiatif ini mensasarkan golongan B40 serta penduduk Projek Perumahan Rakyat dan Perumahan Awam. Mekanisme pelaksanaannya yang diletak di bawah penyeliaan MPPWP secara langsung akan memudahkan warga wilayah mendapatkan bantuan ini dalam tempoh yang sewajarnya.

PROGRAM IKON REMAJA WILAYAH PERSEKUTUAN

17. Selain itu, Kementerian Wilayah Persekutuan juga akan menganjurkan **Program Ikon Remaja Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur 2019**. Program ini diadaptasi daripada program “*Youth in Iceland*” bertujuan meningkatkan jati diri di kalangan remaja Wilayah Persekutuan melalui pembangunan aqidah, rohani dan jasmani yang melibatkan gabungan seramai 2,000 orang remaja yang berusia di antara 13 hingga 17 tahun. Pelancaran program akan disempurnakan oleh YAB Perdana Menteri pada awal Mac 2019.

SAMBUTAN HARI WILAYAH 2019

Hadirin sekalian,

18. Saya percaya, bulan Februari sangat dekat di hati kita khususnya dan warga Wilayah Persekutuan amnya. Seperti hadirin sedia maklum, Sambutan Hari Wilayah Persekutuan disambut pada tarikh 1 Februari setiap tahun, bagi memperingati pengisytiharan Kuala Lumpur, Putrajaya dan Labuan sebagai Wilayah Persekutuan. Sambutan pada tahun ini merupakan sambutan yang ke-14 yang gabungan ketiga-tiga wilayah sejak wujudnya Kementerian Wilayah Persekutuan pada 27 Mac 2004.

19. Tema Sambutan Hari Wilayah Persekutuan pada tahun ini adalah “**Sayangi Wilayahku**”. Penetapan tema ini dipilih kerana Kementerian ingin mengajak semua warga Wilayah Persekutuan agar bersama-sama memupuk perpaduan, persefahaman dan muafakat dalam kalangan masyarakat yang berbilang kaum demi mengukuhkan kesejahteraan warga Wilayah Persekutuan.

20. Kementerian dan agensi akan menjayakan sebanyak 21 program sempena SHWP 2019 sepanjang bulan Februari ini. Oleh itu, saya ingin menyeru semua warga WP tidak kira di Kuala Lumpur, Putrajaya mahupun Labuan untuk hadir dan bersama-sama di setiap program yang dianjurkan. Kementerian juga akan menganjurkan Program Kenduri Rakyat akan dilaksanakan di ketiga-tiga Wilayah Persekutuan. Memandangkan program Kenduri Rakyat ini merupakan *signature programme* kepada warga Wilayah Persekutuan semasa SHWP dan saya melihat ia sememangnya memberi impak yang tinggi dalam menyatukan warga Wilayah Persekutuan, maka Kementerian akan meneruskan program ini.

HARAPAN

21. Sehubungan itu, kerjasama daripada semua MPPWP adalah amat diharapkan dalam merealisasikan semua perancangan yang telah dirangka bagi meningkatkan sosio ekonomi warga Wilayah Persekutuan khususnya.

22. Besarlah harapan saya agar semua ahli MPPWP yang dilantik dapat melaksanakan tugas yang diamanahkan dengan penuh dedikasi dan berintegriti demi kemaslahatan warga Wilayah Persekutuan khususnya. Saya juga ingin menekankan peri pentingnya elemen integriti dalam menguruskan geran dan peruntukan yang kita amanahkan kepada semua ahli MPPWP. Saya percaya dengan semangat Malaysia Baharu, ahli-ahli MPPWP akan merancang dan melaksanakan aktiviti dengan baik serta berhemah. Dengan integriti yang utuh, saya juga percaya pendekatan perbelanjaan “**value for money**” berjaya dilaksanakan.

23. Sebelum itu, izinkan saya berkongsi maksud ayat al-Quran yang diperintahkan oleh Allah swt sebagai peringatan kita bersama. Ajaran untuk bersifat amanah ini sejalan dengan perintah Allah di surat An Nisa ayat 58 yang ertinya: “*Sungguh, Allah menyuruhmu menyampaikan amanah kepada orang yang berhak menerimanya, dan*

apabila kamu menetapkan hukum di antara manusia hendaknya kamu menetapkannya dengan adil. Sungguh, Allah sebaik-baik yang Memberi pengajaran kepadamu. Sungguh, Allah Maha Mendengar, Maha Melihat”.

24. Jadi, sama-sama kita mengingati diri kita sendiri bahawa aspek kepercayaan dan penghormatan yang lebih tinggi akan diberikan kepada pemimpin komuniti setempat.

PENUTUP

25. Akhir kata, diharapkan Ahli MPPWP yang dilantik dapat menggalas tugas dan tanggungjawab yang diberikan dengan sebaik-baiknya. Masyarakat akan menilai prestasi dan pencapaian kerja kita, jadi berikanlah mutu perkhidmatan yang boleh dibanggakan. Saya mendoakan agar kita semua akan sentiasa istiqamah dalam apa jua usaha dan tugas yang diamanahkan.

26. Dengan lafaz “Bismillahirrahmanirrahim” saya merasmikan **“Majlis Penyampaian Watikah Pelantikan Majlis Perwakilan Penduduk Wilayah Persekutuan (MPPWP) Kuala Lumpur dan Putrajaya”**.

Sekian. Wabillahi Taufik Walhidayah... Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.